



## SIARAN MEDIA

### JABATAN ALAM SEKITAR

### KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

---

#### PASIR GUDANG BANDAR INDUSTRI PERTAMA MILIKI SISTEM AMARAN AWAL PANTAU PENCEMARAN ALAM SEKITAR

---

**23 FEBRUARI 2020, PASIR GUDANG** – Pasir Gudang menjadi bandar industri pertama dilengkapi dengan sistem pengawasan yang akan memantau kualiti udara secara nyata (*real time*) bagi memberi amaran awal sekiranya berlaku sebarang insiden pencemaran.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memasang sebanyak 25 buah stesen *Photo Ionization Detector* (PID) dan enam (6) unit *Fourier Transform Infrared Spectroscopy* (FTIR) di sekitar bandar ini. MESTECC turut menempatkan dua (2) unit bergerak iaitu *Gas Chromatography – Mass Spectrometry* (GCMS) dan *Gas Chromatography – Flame Ionization Detector* (GCFID) yang mula beroperasi sejak Januari 2020.

**Sistem Amaran Awal Pencemaran Udara**, yang bernilai RM6.9 juta, dilengkapi dengan alat penggera untuk mengesan bahan pencemar berbahaya di dalam udara mampu memaklumkan pegawai penguat kuasa JAS secara terus

sekiranya berlaku pencemaran udara bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan segera diambil terhadap punca pencemaran.

Pada hari ini, YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri MESTECC turun padang untuk meninjau stesen PID ini dan juga dua (2) buah unit bergerak yang ditempatkan di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Johor bersama YB Tuan Tan Chen Choon; Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Negeri Johor.

YB Puan Yeo Bee Yin menegaskan MESTECC tidak akan bertolak ansur terhadap penjenayah kelestarian alam sekitar. Suspek yang dikaitkan dengan insiden pencemaran Sungai Kim Kim pada tahun lepas telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Tarikh perbicaraan yang ditetapkan oleh mahkamah ialah pada 10,11 dan 12 Mac 2020.

Sehingga kini JAS telah melipat-gandakan aktiviti penguatkuasaan terhadap kilang dan premis di sekitar Pasir Gudang agar mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

- Sebanyak 664 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2019 berbanding 460 pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 44%.
- Sebanyak 769 tindakan Notis, Kompaun, Sitaan, Mahkamah telah dikenakan pada tahun 2019 kepada pihak industri berbanding 97 tindakan pada tahun 2018; iaitu peningkatan sebanyak 692%.

- Sebanyak 26 buah premis diperiksa melalui Ops Ketuk Ketuk. Operasi ini diadakan supaya pihak industri merasakan keberadaan JAS sepanjang masa.

Selain penguatkuasaan di lapangan, JAS turut menjalankan pemantauan melalui sistem atas talian seperti kualiti pelepasan efluen industri melalui *Online Environmental Reporting* (OER) dan pergerakan sisa buangan terjadual melalui *Electronic Schedule Waste Information System* (E-SWIS).

Sistem E-SWIS ini mampu mengesan pergerakan buangan terjadual daripada industri kepada kemudahan pengolahan atau pelupusan yang dilesenkan oleh JAS. Setiap industri yang menghasilkan sisa buangan terjadual adalah bertanggungjawab untuk melaporkan pergerakan buangan yang dihasilkan oleh mereka ke dalam sistem ini.

Pemantauan/intipan dengan menggunakan dron telah mula dilaksanakan pada 23 Oktober 2019. Intipan dengan menggunakan dron ini akan sentiasa dijalankan untuk mengesan apa jua pencemaran dan punca pencemaran dengan lebih cepat agar tindakan membendung dan mencegah dapat diambil lebih awal.

MESTECC juga telah menubuhkan JAS Cawangan Pasir Gudang sejak 29 Ogos 2019 di Menara Aqabah, MPPG supaya tindakan penguatkuasaan dapat diambil dengan lebih cepat, cekap dan berkesan.

MESTECC dan Kerajaan Negeri Johor telah menjalinkan kerjasama strategik bagi membanteras kegiatan penjenayah kelestarian alam sekitar antaranya dengan penubuhan **Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (JKTAS) Negeri Johor**. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat yang pertama pada 18 Februari 2020. Melalui JKTAS, isu berkaitan pencemaran dapat dibincangkan dan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu akan dilaksanakan.

MESTECC juga bekerjasama dengan pihak industri di Pasir Gudang melalui **Program Sekolah Angkat** (PROSPAG) yang melibatkan sebanyak 65 buah sekolah yang telah dibekalkan dengan alat pengukur gas *multigas detector* oleh pihak industri. Peralatan tersebut digunakan untuk mengambil bacaan kualiti udara secara berterusan. Guru-guru dilatih untuk menggunakan pengesanan gas ini dan sekiranya bacaan melebihi paras yang ditetapkan, pihak sekolah boleh terus menghubungi MPPG atau JAS untuk tindakan lanjut.

**- TAMAT -**

---

**Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:**

Encik Mohd Famey Yusoff,  
Pengarah,  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor  
Tel: 07-5500522 ext: 502

Encik Sharudin Rosli,  
Pegawai Perhubungan Awam,  
Jabatan Alam Sekitar Putrajaya  
Tel: 03-88712371

Dikeluarkan pada 23 Februari 2020, pukul 11.30 pagi.

**PERALATAN BAGI PENGAWASAN KUALITI UDARA DI PASIR GUDANG**

Manfaat Sistem Rangkaian Pemantauan udara Pasir Gudang:

- i. Sistem ini berperanan sebagai satu sistem amaran awal secara masa nyata (*real-time*) di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang; dan
- ii. Juga memastikan keselamatan awam terjamin melalui tindakan cekap dan cepat pihak MESTECC, JAS, PBT sekiranya berlaku insiden pencemaran udara.

BIL.	ALAT	FUNGSI
1	<p><u>PID</u> - <i>Photo Ionization Detector</i></p>	<p>Mengesan gas '<i>Total Volatile Organic Compounds</i>' (TVOC) di persekitaran. Alat ini dilengkapi sistem penggera yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.</p> <p>Jika sistem penggera aktif, alat ini akan mengambil sampel secara automatik dan pasukan JAS akan diaktifkan untuk menjalankan siasatan dan persampelan.</p> <p>Sampel akan dianalisa di mobile GCMS bagi mengenalpasti jenis gas pencemaran yang berada dipersekitaran.</p>
2	<p><u>Mobile GCMS</u> - <i>Gas Chromatography – Mass Spectrometry</i></p>	<p>Untuk menganalisa <i>unknown gases</i> daripada persampelan alat PID.</p> <p>Daripada analisa ini, ia membantu JAS untuk mengenalpasti punca dan memberikan amaran awal keselamatan awam.</p>
3	<p><u>Mobile GCFID</u> - <i>Gas Chromatography – Flame Ionization Detector</i></p>	<p>Untuk mencerap bacaan gas toksik secara berterusan 24/7. Alat ini ditempatkan di atas kenderaan bergerak dan boleh diletakkan di kawasan insiden atau di kawasan PID yang mana sistem penggera telah aktif.</p>
4	<p><u>Portable FTIR</u> - <i>Fourier Transform Infrared Spectroscopy</i></p>	<p>Alat pengesan gas toksik yang dikendalikan secara <i>mobile</i> oleh pegawai JAS bagi mengesan punca dan mengumpul maklumat gas.</p> <p>Alat ini digunakan sebagai <i>first screening</i> untuk pasukan bertindak cepat JAS jika berlaku pencemaran udara gas toksik.</p>

**SENARAI 25 STESEN *PHOTOIONIZATION DETECTOR* (PID)  
DI PASIR GUDANG**

<b>BIL.</b>	<b>STESSEN</b>	<b>LOKASI</b>
1	HAP01	Sekolah Kebangsaan Tanjung Langsat Peti Surat 16 81757 Masai, Johor
2	HAP02	Sekolah Kebangsaan Kota Masai 2 Jalan Tembikai Utama Taman Kota Masai 81700 Pasir Gudang, Johor
3	HAP03	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih Jalan Selasih 4 Taman Pasir Putih 81700 Pasir Gudang, Johor
4	HAP04	Sekolah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort Jalan Lampam Taman Tanjung Puteri Resort 81700 Pasir Gudang, Johor
5	HAP05	Sekolah Kebangsaan Kg. Pasir Puteh Kg. Pasir Puteh 81700 Pasir Gudang, Johor
6	HAP06	Johor Port Berhad P.O Box 151 81707 Pasir Gudang, Johor
7	HAP07	Klinik Pasir Gudang 81700 Pasir Gudang, Johor
8	HAP08	Sekolah Kebangsaan Perigi Acheh Jalan 10/1, Perjiranan 10 81700 Pasir Gudang, Johor
9	HAP09	Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 3 Jalan Jati, Taman Air Biru 81700 Pasir Gudang, Johor
10	HAP10	Klinik Kesihatan Masai JKR 5638, Jalan Pekeliling Masai 81750 Johor Bahru, Johor
11	HAP11	Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 2 Jalan Mawar Putih, Taman Mawar 81700 Pasir Gudang, Johor
12	HAP12	Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, 81700 Pasir Gudang, Johor

<b>BIL.</b>	<b>STESEN</b>	<b>LOKASI</b>
13	HAP13	Masjid Jamek Pasir Gudang Jalan Mesjid Kawasan Perindustrian Pasir Gudang 81700 Pasir Gudang, Johor
14	HAP14	Sekolah Kebangsaan Taman Rinting 3 Jalan Ketapang, Taman Rinting, Masai 81750 Johor Bahru, Johor
15	HAP15	Dewan Muafakat Masai @ Dewanraya Masai Jalan Sekolah, 81750 Masai, Johor
16	HAP16	Sekolah Kebangsaan Taman Cendana Jalan Persiaran Cendana 81700 Pasir Gudang, Johor
17	HAP17	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Alam Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam 81750 Masai Johor
18	HAP18	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai Jalan Bacang Utama, Taman Kota Masai 81700 Pasir Gudang, Johor
19	HAP19	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex Jalan Persiaran Scientex 2, Taman Scientex 81700 Pasir Gudang, Johor
20	HAP20	Sekolah Kebangsaan Kopok Jalan Hijrah Utama, Kampung Kopok Baru 81700 Pasir Gudang, Johor
21	HAP21	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Sg Plentong, Karung Berkunci 704 80730 Johor Bahru, Johor
22	HAP22	Sekolah Kebangsaan Seri Kota Puteri Jalan Bayan, Bandar Baru Kota Puteri 81750 Masai, Johor
23	HAP23	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Timur Km. 24, Jalan Besar Masai 81750 Masai, Johor
24	HAP24	Surau Nur Iman Taman Pasir Putih, 81700 Pasir Gudang, Johor
25	HAP25	Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort Jalan Kelisa 1, Taman Tanjung Puteri Resort 81700 Pasir Gudang, Johor